

RENCANA UTAMA

Sukar baca fikiran khalayak

Melvin Rudy Aeria mengakui untuk menjadi pengacara, seseorang memerlukan bakat, latihan, pendedahan dan komitmen.

Lelaki berketurunan Portugis Melaka dengan gaya rambut cacak ini ramah berbual. Kemas memakai baju kemeja belang berwarna biru, Melvin Rudy Aeria, 33, nampaknya sudah bersedia untuk ditemu ramah.

Tempoh 14 tahun terlibat dalam bidang pengacaraan membuatkan lelaki berketegingian sederhana ini cukup yakin ketika melontarkan pendapatnya.

Sebaik tamat sekolah menengah, dia yang lebih mesra dipanggil Melvin berhijrah ke Kuala Lumpur dan berkecimpung dalam industri hiburan.

Pada mulanya dia bekerja sebagai krew yang membetulkan pembesar suara. Kemudian dia beralih kepada kerjaya *deejay* yang bertanggungjawab menghasilkan adunan muzik, *scratching* dan menggunakan *turn table* selama setahun.

"Pada masa itu, deejay biasanya seorang pengacara majlis. Saya mula seronok jika diberi peluang mengacarakan majlis. Malah semasa di sekolah, saya sudah biasa buat kerja itu," katanya tersenyum.

Minat itu tidak pernah padam biarpun dia kemudian bertugas sebagai pegawai kawalan kredit di sebuah firma saham. Lima tahun berada dalam dunia korporat, Melvin sempat dilantik menjadi ketua jabatan kawalan kredit dengan kakitangan di bawahnya seramai 60 orang.

Akhirnya dia menubuhkan syarikat sendiri yang dikenali sebagai Live Audience, sebelum mengambil keputusan untuk menjadi pengacara majlis sepenuh masa.



"MEMILIKI syarikat yang diberi nama Live Audience, Melvin kini semakin aktif menerima tugas pengacaraan."

"Saya tidak menerima sebarang latihan formal. Semuanya berdasarkan kepada *trial and error* dan saya kena fikir sendiri bagaimana untuk mengasah kemahiran yang ada.

"Antara caranya adalah membaca sebanyak mungkin, selain ambil tip daripada pengacara bagus yang lain. Saya cukup kagum dengan orang lama seperti Raymond Goh dan Yasmin Yusoff. Bertuah rasanya kerana berpeluang bekerja dan belajar daripada mereka.

"Misalnya, sebelum ini ketika hendak umumkan makanan yang telah dihidangkan, saya cuma cakap: "Sila nikmati hidangan anda dan *bon appetite*." Tetapi, daripada Raymond, saya belajar perkataan baru iaitu selamat menjamu selera.

"Jadi, versi penuh ucapan saya sekarang ialah: *Ladies and gentlemen, dinner is now served. Please do enjoy your dinner, selamat menjamu selera, bon appetite,*" jelas Melvin panjang lebar.



"BAGI Melvin, kerjaya pengacaraan asalnya hanya satu hobi."

Baginya, perkara paling mencabar sebagai seorang pengacara adalah membaca fikiran audiens. Namun, pengalaman banyak membantunya dalam memastikan kata-kata yang diucapkan tidak melampaui batasan.

Menyifatkan dirinya sebagai pengacara yang versatil, Melvin mampu mengacarakan majlis formal yang melibatkan Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri atau taikun-taikun perniagaan.

Majlis-majlis tidak formal pula pernah membuatkan Melvin hanya memakai pijama atau kostum seperti watak lanun Jack Sparrow, Chow Yuen Fatt dan pelbagai pakaian-pakaian pelik yang lain.

'Kekurangan' dalam bidang pengacaraan banyak tertumpu ketika waktu mula-mula seseorang pengacara hendak memperkenalkan dirinya. Itulah antara sebab kenapa Melvin mengambil masa untuk menjadikannya sebagai kerjaya sepenuh masa sejak beberapa tahun lalu.

Namun, selepas sekian lama berada dalam industri, Melvin secara puratanya mendapat dua hingga empat tugas seminggu.

Malah, dia juga pernah mendapat lapan tugas dalam seminggu selama dua minggu berturut-turut. Tetapi selepas itu, dia terpaksa berkunjung ke klinik kerana tekaknya sakit. Dia demam selepas dua minggu mengacara majlis tanpa henti.

Alasannya mudah, menjadi pengacara bukan sekadar berdiri di atas pentas dan bercakap, tetapi mereka perlu membuat sedikit sebanyak persediaan. Bagi Melvin, setiap tugas seakan-akan satu temu duga kerja. Dia perlu tahu sebanyak mungkin mengenai sesebuah syarikat atau majlis.

"Katakan saya perlu menjadi pengacara untuk syarikat farmaseutikal GSK (GlaxoSmithKline). Saya tidak boleh sebut mengenai pil viagra kerana ia adalah produk syarikat pesaingnya. Sedangkan GSK turut menghasilkan produk yang mempunyai fungsi hampir sama," tambahnya.

Bagaimana dengan segelintir pengacara yang terlalu teruja dan akhirnya menyatakan sesuatu yang keterlaluan? Melvin menyimpulkannya kepada dua bahagian.

Pertama, latar belakang seseorang pengacara itu dibesarkan turut memainkan peranan penting. Sekiranya sejak kecil mereka diajar untuk menghormati orang lain, pasti tidak timbul sebarang masalah.

Satu lagi ialah cara dan etika ketika berbual dengan orang lain. Apa yang paling penting adalah bersopan dan jangan sesekali melampaui batasan.

Menurut Melvin, 50 peratus daripada tugas pengacaraan meliputi karakter seseorang pengacara majlis. Jika individu itu tidak mempunyai penampilan yang *ekstrovert*, spontan atau pemalu, dia perlu bekerja lebih keras.

"Kemahiran sebegitu boleh dipupuk, tetapi mereka perlu membaca lebih banyak buku dan berlatih lebih lama di hadapan cermin. Mungkin anda harus masuk lebih kerap ke majlis-majlis untuk melihat gaya pengacara lain. Itu adalah sesuatu yang biasa saya buat dahulu untuk belajar.

"Separuh lagi ialah apa yang berkaitan dengan penampilan di pentas, busana yang sesuai dan sebagainya. Apa yang sentiasa diambil mudah ialah pakaian mereka bagus, lengkap dengan tali leher tetapi kasut berdebu. Selain itu, belajar untuk melontarkan suara dengan jelas, bercakap dengan yakin dan mampu membuatkan orang lain dengar apa yang diperkatakan.

"Pendek kata, individu boleh dilatih untuk menjadi seorang pengacara yang bagus, tetapi jika anda sudah pun mempunyai personaliti yang menarik, peramah, mudah bergaul dan tidak takut berdiri di atas pentas, 50 peratus tugas sudah pun selesai," ujarnya yang boleh berbahasa Inggeris dan Melayu, selain sedikit sebanyak Mandarin, Kantonis serta Hokkien.

Amalan biasa yang dilakukan olehnya sebelum mengacarakan majlis lebih tertumpu kepada mental. Biasanya, 15 minit sebelum majlis bermula, Melvin akan cuba menenangkan diri sebaik mungkin dan mengingatkan semula apa yang perlu diperkatakannya.

Melvin juga lebih gemar menulis skrip sendiri. Sekiranya mendapat skrip yang disediakan, ia tetap akan diolah mengikut gayanya sendiri. Sebabnya, kebanyakan skrip yang diterima tidak sama dengan cara dia berkomunikasi dengan audiens.

"Kalau tersasul jangan sesekali meminta maaf berulang-ulang kali. Caranya, minta maaf sekali dan teruskan majlis. Selain itu, cuba lupakan kesilapan itu dengan cara membuat lawak mengenainya.

"Buat cara ini, sekiranya anda betul-betul berpengalaman. Kalau tidak, lain pula jadinya," pesannya.

Jangan bimbang jika anda tidak mempunyai suara yang merdu. Dengan bantuan mesin *equalizer*, suara akan berubah dan sedap didengar.

Apa yang lebih penting ialah intonasi suara yang betul. Kalau intonasi rata sahaja, audiens akan mudah bosan dan mula bercakap dengan orang di sebelah mereka atau terus menikmati makanan.

Bermula sebagai hobi, akhirnya bidang pengacaraan menjadi kerjaya serius dan memberikan Melvin pendapatan yang lumayan.
